

Pelepasan cukai SSPN dilanjutkan, duit raya untuk pekebun kecil, pesawah, nelayan

**Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Farah Marshita Abdul Patan
dan Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan empat inisiatif tambahan dalam Belanjawan 2023, termasuk bantuan Aidilfitri kepada 850,000 pekebun kecil getah, pesawah

dan nelayan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 (Belanjawan 2023) bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara berkata, selain bantuan Hari Raya, inisiatif tambahan baharu itu juga membatikan keputusan melanjutkan pelepasan cukai individu dan berkaitan peruntu-

kan kredit perumahan meneruskan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

“Memandangkan keadaan hidup rakyat ini masih terasa saya teliti mana kohort yang tidak peroleh manfaat sebelum ini, masih ada-masalah terutama pada bulan Ramadan dan Aidilfitri.

Nasional

RELA, APM, sukarelawan polis dapat 'duit raya'

Dari Muka 1

"Maka saya bersetuju salurkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada 850,000 pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan sebanyak RM200 lagi, tambahan (kepada) apa yang telah diumumkan. Hal ini akan menelan belanja RM170 juta," katanya.

Anwar berkata, penambahan itu adalah bantuan terbesar yang pernah diberikan kerajaan kepada golongan nelayan, pesawah dan pekebun kecil.

Dalam Belanjawan 2023 sebelum ini, kerajaan mengumumkan bantuan RM300 sebulan kepada nelayan dan RM200 sebulan untuk pesawah padi untuk tempoh tiga bulan semusim serta menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada RM600 kepada RM800 untuk tempoh empat bulan kepada pekebun kecil getah.

Selain itu, pasukan sukarelawan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam, sukarelawan polis dan bomba turut menerima 'duit raya' apabila kerajaan bersetuju memberikan sagu hati RM300.

Ia juga bantuan kali pertama diberikan kerajaan membabitkan 200,000 anggota sukarelawan terbabit.

"Saya sebut tadi ada kategori tidak dapat manfaat sama, kategori ini ialah sukarelawan. Ia berbeza daripada pekerja tetap, polis bantuan itu tidak termasuk, tapi kategori sukarelawan ini 200,000 orang, sehubungan itu menjelang Aidilfitri ini, saya setuju beri sagu hati kepada mereka RM300," kata beliau.

Pada masa sama, Anwar turut mengumumkan melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu, sehingga RM8,000 untuk simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sehingga 2024.

Keputusan itu dibuat dua hari selepas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Dr Mohd Nizom Sairi memaklumkan pembayar cukai yang mencarum dalam SSPN tidak lagi layak menuntut pelepasan cukai individu hingga RM8,000 mulai Tahun Taksiran 2023.

Perdana Menteri menegaskan

beliau bersetuju melanjutkan pelepasan cukai berkenaan selepas mendengar keresahan disuarakan rakyat dan teguran kepada kerajaan.

"Jumlah ini bukan jumlah B40. Ini jumlah pendapatan orang yang lebih sederhana. Bagaimanapun, kerana maksudnya adalah pendidikan dan belanja pendidikan kian meningkat, sebab itu kita beri kelonggaran ini," katanya.

Kelmarin, Mohd Nizom pada satu sidang media menjelaskan kerajaan membuat keputusan tidak lagi melanjutkan insentif pelepasan cukai ke atas simpanan SSPN susulan pelbagai alasan.

"Kerajaan sebelum ini, memang beri potongan cukai kepada pencarum SSPN sebagai galakan, terutama kepada ibu bapa untuk mencarum bagi pendidikan anak mereka dengan kemudahan ini disambung beberapa kali hingga 2022.

"Namun, ia dihentikan tahun ini. Kalau simpan (SSPN) tahun ini, tiada potongan cukai atau 'relief' pada tahun hadapan. Keputusan ini dibuat kerajaan atas dasar dan keadaan bersesuaian," katanya.

Bagaimanapun, pelbagai pihak tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, antara lain melahirkan rasa kluatir ia boleh memberi implikasi besar, terutama kepada keluarga daripada golongan pertengahan.

Dengan pelanjutan pelepasan itu, ia membabitkan kehilangan hasil kerajaan sekitar RM250 juta setahun, namun memberi manfaat kepada sekitar 400,000 pembayar cukai dalam kategori T20 dan M40.

Anwar turut mengumumkan mulai 1 April ini, kerajaan akan memperluaskan sasaran Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) terhadap golongan berpendapatan tetap dan tidak tetap, bagi memiliki kediaman pertama yang memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40.

"Mulai 1 April 2023, kerajaan akan meluaskan sasaran SJKP bagi merangkumi kedua-dua golongan berpendapatan tetap dan tidak tetap untuk memiliki rumah pertama mereka.

"Ikhtiar ini akan memanfaatkan khususnya isi rumah dalam kategori B40 dan M40," katanya.

Dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan Anwar 24 Februari lalu, SJKP sudah ditambah baik dengan meningkatkan dana jaminan pembiayaan daripada RM3 bilion kepada RM5 bilion untuk membantu pembeli rumah kali pertama, terutama mereka yang tidak berpendapatan tetap.

Sementara itu, Anwar berkata, kerajaan akan turut memberi keutamaan kepada pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritikal, khususnya bidang kesihatan serta pendidikan dan hal ini dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan sehingga RM800 juta untuk tahun ini.

Menurutnya, Belanjawan 2023 termasuk inisiatif baharu ini adalah bukti komitmen Kerajaan Perpaduan untuk membawa perubahan kepada negara Malaysia, selain bukti ketegasan kerajaan untuk menambah baik tadbir urus bagi menjamin kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Disebabkan tanggungjawab ini besar, Anwar berkata, semua pihak perlu memainkan peranan bagi menjayakannya.